TASIK INDAH IBU KOTA

Dalam kesibukan kota yang tidak pernah tidur, ramai penduduk Kuala Lumpur mencari ruang untuk melepaskan tekanan dan menyegarkan semula minda.

Tidak perlu pergi jauh, di sebalik deretan bangunan pencakar langit dan jalan raya yang sibuk, terselit kewujudan tasik indah yang menjadi lokasi riadah kegemaran warga kota.

Tasik ini bukan sekadar kawasan berair, tetapi destinasi lengkap untuk berjoging, bersantai, beriadah bersama keluarga, malah sebagai tempat menenangkan jiwa.

Sama ada anda mahu beriadah ringan, bermain layang-layang, berbasikal atau hanya menikmati pemandangan matahari terbenam. Metro Ahad menyenaraikan pilihan tasik menarik di sekitar Kuala Lumpur yang boleh anda kunjungi hujung minggu ini.



1. TASIK TITIWANGSA

Destinasi rekreasi paling popular

Destinasi ekopelanc


Mula dibuka pada 1980 dan dirasmikan oleh Perdana Menteri ketika itu, Tun Hussein Onn.

Kawasan ini pada asalnya adalah bekas lombong bijih timah.

Kemudian diubah menjadi tempat rekreasi awam dan ikon hijau di Kuala Lumpur.

Berkeluasan 46.13 hektar, miliki kompleks rekreasi yang lengkap dengan pelbagai kemudahan dan aktviti untuk pengunjung dari semua peringkat umur.

Berlatarbelakangkan Menara Berkembar Petronas dan Menara Kuala Lumpur yang ikonik, taman ini terkenal dengan landskap yang indah, tasik luas dan pelbagai tarikan unik yang ada di sini.



Tun Hussein Onn (tengah) meneliti model Taman Tasik Titiwangsa sambil diperhatikan oleh Tan Sri Ya'acob Latiff. (kanan)



2. TASIK PERDANA (TAMAN BOTANI PERDANA)

Dikelilingi taman bunga, pokok eksotik dan landskap bersejarah

Popular untuk fotografi termasuk sesi praperkahwinan

Suasana damai dan redup untuk bersantai atau joging

Ada kemudahan bot kayuh dan berdekatan dengan Tugu Negara

Tarikan berhampiran Muzium Kesenian Islam, Taman Rama-Rama dan Planetarium

Laluan pejalan kaki berbumbung dan tempat duduk berteduh



Tun Razak dan isteri, Toh Puan Rahah bersampan di Tasik Perdana pada hari pembukaan, 1 Mac 1975.

Kawasan ini adalah bekas lombong bijih timah yang diusahakan oleh pelombong British menggunakan lombong palung.

Idea untuk menubuhkan kebun bunga pada 1888 dan kawasan bekas lombong ini dibangunkan menjadi Kebun Bunga Kuala Lumpur.

Dirasmikan pada 13 Mei 1889 oleh Gabenor Negeri- Negeri Selat, Sir Cecil Clementi Smith

Taman ini terus berkembang dengan penambahan pelbagai kemudahan seperti panggung Anniversari pada 1967.

Taman ini dinamakan semula sebagai Taman Tasik Perdana oleh Tun Abdul Razak pada 1 Februari 1968.

Taman ini diubah menjadi Taman Botani Perdana dengan penekanan pada aspek botani dan pemuliharaan alam sekitar.



Mohamad Shahril Badri Saali | NSTP

3. TASIK METROPOLITAN KEPONG

Kawasan luas, terbuka dan dikelilingi kehijauan

Popular untuk aktiviti bermain layang-layang dan joging.

Pilihan ramai untuk berkelah dan bersantai hujung minggu

Ada laluan joging, padang bola dan trek basikal

Tandas awam, gerai makanan dan tempat parkir luas

Pemandangan matahari terbenam yang cantik.

Dahulunya ia kawasan terbiar yang dipenuhi tumbuhan kiambang dan menjadi tapak pembuangan sampah.

Dibuka secara rasmi oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) sebagai taman rekreasi terbesar di Kuala Lumpur.

Keluasan sekitar 218.8 ekar dengan landskap hijau dan tasik yang luas.

Mempunyai laluan siar kaki sejauh 3.5 kilometer (km) untuk larian, berbasikal dan 'trekking'.

Mempunyai tiga menara tinjau iaitu amphitheatre terbuka, padang bola sepak dan pemandangan untuk pengunjung.



Asyraf Hamzah | NSTP

4. TASIK SRI RAMPAI

Lokasi tersembunyi, kurang sesak dan tenang

Sesuai untuk aktiviti santai, meditasi atau refleksi diri

Dikelilingi pokok rendang dan taman kecil

Sesekali terlihat burung dan haiwan kecil, sesuai untuk pencinta alam

Lokasi menarik untuk fotografi landskap urban semula jadi

Ada permainan asas untuk kanak-kanak

Ada ikan di dalam tasik

Taman tertua di bandar raya Kuala Lumpur dikelilingi jalan utama serta kemudahan asas yang lengkap.

Tapak bekas lombong tinggalan yang ditambah baik menjadi kawasan rekreasi.

Dibuka pada awal 2020 berwajahkan lebih menarik serta menjadi kawasan rekreasi yang utama bagi penduduk setempat.



Muhamad Zamri | Google Maps



WARTAWAN
Dalila Amair, Syuhada Sukapeli dan **Fadhlin Husseini**
amj@hmetro.com.my

GRAFIK
Salim Dawam
norsalim@hmetro.com.my



ongan


Sering menjadi tumpuan pelancong tempatan mahupun luar negara menikmati keindahan alam

Terletak di tengah-tengah kota metropolitan

Tawar ketenangan dan keindahan alam semula jadi yang menjadi tempat aktiviti ideal bagi penduduk kota yang sibuk



Firdaus Samsuri | Wikipedia



Takashi Fujiwara | Google Maps

5. TASIK DANAU KOTA

Tarikan baharu untuk komuniti setempat

Lokasi ideal untuk riadah ringan dan lepak petang sambil minum kopi

Sesuai untuk refleksi diri dn aktiviti solo

Kurang sesak, sesuai suasana damai dengan elemen kejiranan

Laluan pejalan kaki dan pondok rehat disediakan

Pemandangan air tenang yang sesuai untuk 'healing'

Tasik buatan yang dibangun sebahagian daripada projek pembangunan perumahan dan kawasan komersial di Danau Kota.

Hasil dari pengembangan kawasan Danau Kota yang meliputi pembangunan perumahan dan pusat perbelanjaan.

Berbeza dari tasik lain, tasik ini tidak mempunyai sejarah panjang kerana merupakan hasil dari pembangunan manusia.



Zul Musa | Google Maps

6. TAMAN TASIK PERMAISURI

Antara lokasi riadah popular di kawasan timur KL

Sesuai untuk joging pagi, senaman ringan atau santai waktu senja

Dikelilingi laluan jalan kaki, pondok rehat dan landskap bersih

Terbaik untuk warga kota yang mencari ketenangan tanpa keluar jauh

Terletak berdekatan kedai dan gerai, mudah untuk cari kudapan

Tasik Cheras atau dikenali sebagai Taman Tasik Permaisuri.


Terletak di antara Jalan Budiman dan Jalan Yaacob Latif (dahulu dikenali Jalan Tenteram), Bandar Tun Razak Cheras dan dibangunkan pada 1984.

Taman ini dinaik taraf dan dibuka sepenuhnya selepas pembangunan semula secara berperingkat sejak 2017.

Dibuka secara rasmi oleh Raja Permaisuri Agong ke-8, Sultanah Zanariah pada 2 April 1989.

Tasik ini mempunyai keluasan sebanyak 49.4 hektar.

Terkenal dengan Laman Iskandar Puteri yang menampilkan ciri-ciri Taman Diraja Melayu Tradisi.



Sabil Fikri Sahimi | Google Maps

7. TAMAN TASIK AMPANG HILIR

Titik padangan menarik ke arah tiga mercu tanda iaitu Menara Berkembar Petronas, Menara Kuala Lumpur dan Menara Merdeka 118

Kurang sesak dan dapat menikmati pemandangan sama ada waktu pagi atau petang

Suasana tenang untuk jalan kaki dan beriadah, manakala anak-anak boleh bermain di taman permainan yang disediakan.

Tasik yang luas dengan laluan trek joging dan pejalan kaki mengelilingi tasik sejauh kira-kira 2.7km

Sesuai untuk semua golongan sama ada di peringkat warga emas, belia dan termasuk kanak-kanak

Kemudahan fasiliti seperti tempat letak kenderaan, surau, tandas, gerai, kawasan permainan kanak-kanak, bangku duduk serta peralatan senaman individu

Ada kemudahan dewan untuk mengadakan aktiviti secara 'indoor'

Ada gerai di depan tasik ini

Mempunyai keluasan keseluruhan seluas 16 hektar dengan keluasan tasik seluas 12 hektar.

Asalnya tasik lombong, tetapi ia sudah menjalani dua kali pembaharuan sebelum menjadi taman rekreasi.

Pada pertengahan 2000-an, DBKL memulakan projek pengubahsuaian taman sebagai ruang rekreasi melalui konsep pembangunan lestari yang memberi tumpuan kepada integrasi dengan alam sekitar.

DBKL membuka rasmi taman dengan fasiliti lengkap dan operasi rekreasi setiap hari bermula jam 6 pagi hingga 10 malam.